

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 3 MEI 2024  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 19

**Peroleh RM15,000 sebulan niaga guna mesin layan diri**

# Peroleh RM15,000 sebulan niaga guna mesin layan diri

Pendapatan suami isteri melonjak lima kali ganda selepas sertai IPR

**Bukit Mertajam:** Sepasang suami isteri yang sebelum ini bermula makanan dari rumah kini meraih pendapatan antara RM10,000 hingga RM15,000 sebulan selepas beralih kepada penggunaan mesin layan diri melalui Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR).

Amin Afifi Yaakob, 36, dan isteri, Yusaeza Yussof, 30, mengaku tidak menyangka mesin dibekalkan melalui IPR di bawah kategori Inisiatif Usahawan Makanan (INSAN) sejak Oktober tahun lalu, membantu melonjak pendapatan mereka sehingga lima kali ganda berbanding RM2,500 hingga RM3,000 sebulan sebelum ini.

"Saya sebelum ini bermula pelbagai jenis makanan, termasuk kek dari rumah dengan jualan dibuat menerusi laman sosial.

"Apabila mengetahui mengenai IPR menerusi Facebook, saya terus mendaftar sebelum dimaklumkan saya berjaya menyertai nya menerusi bantuan mesin layan diri.

"Kami dapat mesin pada September 2023 dan mula bermula menggunakan bermula Oktober di kafeteria di Universiti Teknologi MARA (UiTM) cawangan Pulau Pinang di Permatang Pauh. Alhamdulillah, saman diterima sangat mengga-



Amin Afifi menyusun makanan dijual dalam mesin layan diri di kafeteria UiTM cawangan Pulau Pinang, Permatang Pauh, semalam.

lakukan," katanya.

Bapa kepada dua anak lelaki berusia tiga dan enam tahun itu berkata, dia bersama isteri menyediakan pelbagai menu pada mesin layan diri bagi memberi pilihan kepada pelajar di situ untuk mendapat makanan yang variasi.

Katanya, makanan disediakan juga mengikut menu terkini dan pilihan pelajar termasuk nasi lemak, ayam goreng Korea, ayam goreng keju, 'chicken cop', spaghetti, kekacang, tortilla, sandwic dan pelbagai lagi.

"Menu kita sentiasa berubah-ubah mengikut pilihan makanan terkini dan tular, lagi satu saya selalu bertanya apa yang mereka (pelajar) mahu supaya makanan yang kami sediakan itu memang menjadi pilihan mereka dan saya lebih suka bawakan menu dari restoran makanan segera dengan

harga yang berpatutan.

"Nasi lemak dengan lauk telur, nuget dan sosej serta nasi lemak lauk ayam, yang dijual dengan harga RM3 dan RM4 adalah menu yang sering habis awal di mesin layan diri itu, malah ia makanan diletakkan setiap hari di situ berbanding menu lain yang saya letak secara berselang-seli," katanya.

### Kongsi rezeki dengan vendor

Amin Afifi yang tinggal di Bukit Minyak di sini berkata, setiap hari, dia akan membeli barang segar untuk memasak sebelum menghantarnya ke mesin layan diri itu pada jam 2 petang dan 10 malam setiap hari supaya makanan sentiasa dalam keadaan segar.

Sebanyak 60 hingga 70 peratus makanan diantar ke mesin

layan diri itu hasil air tangan Amin Afifi dan isteri, manakala selebihnya daripada vendor yang membekalkan makanan seperti burger, roti john dan pizza kerana mahu berkongsi rezeki dengan mereka.

"Setiap bulan saya boleh menjual hingga lebih 5,000 kuantiti pelbagai jenis makanan pada harga RM1 hingga RM8," katanya.

IPR dilancarkan Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli pada Februari tahun lalu bertujuan membantu golongan miskin tegar, miskin dan B40 menjana pendapatan mampan.

Menerusi inisiatif INSAN, penerima diberikan mesin layan diri di tempat terpilih serta kos sewaan bulanan dianggarkan antara RM600 hingga RM800 ditanggung sepenuhnya kerajaan selama dua tahun.

BERNAMA